

AZYTRO TABLET 250MG

Azithromycin (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Azytro
2. Bagaimana Azytro berfungsi
3. Sebelum menggunakan Azytro
4. Cara menggunakan Azytro
5. Semasa menggunakan Azytro
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Azytro
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Azytro

Ia digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria dan mikroorganisma lain, termasuk:

- saluran pernafasan atas dan bawah
- jangkitan pada kulit dan tisu lembut
- jangkitan dalam telinga
- penyakit kelamin yang disebabkan oleh organisma dipanggil *chlamydia trachomatis* dan *Neisseria gonorrhoea*. Ia biasanya digunakan bersama antibiotik lain, yang dikenali sebagai rifabutin untuk pencegahan terhadap jangkitan *Mycobacterium avium-intracellulare complex* (MAC) bagi pesakit *human immunodeficiency virus* (HIV).

Bagaimana Azytro berfungsi

Azithromycin adalah antibiotik yang menghalang bakteria menghasilkan protein penting bagi pembiakan mereka dalam badan manusia.

Sebelum menggunakan Azytro

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Azytro jika anda alah (hipersensitif) terhadap Azithromycin atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini. Simptom alahan mungkin termasuk: batuk, sesak nafas, sempit atau kesukaran bernafas; bengkak pada muka, bibir, lidah, tekak atau bahagian badan yang lain; ruam, gatal-gatal atau kegatalan pada kulit; pengsan; atau gejala seperti demam. Jika anda mengalami reaksi alahan tersebut, berhenti mengambil ubat dan hubungi doktor anda segera atau pergi ke hospital yang terdekat.

Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Azytro Tablet jika anda:

- mempunyai sejarah alahan yang teruk (bengkak dan hipersensitif) kepada Erythromycin atau jenis ubat macrolides yang lain.

- mempunyai arrhythmia (degupan jantung yang tidak teratur).
- mempunyai masalah buah pinggang atau masalah hati.
- Beritahu doktor jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung. Pengambilan Azithromycin adalah tidak digalakkan jika anda hamil tetapi doktor anda akan menilai keperluan mengambil ubat ini sekiranya perlu.
- Beritahu doktor jika anda sedang menyusukan bayi. Azithromycin juga dikeluarkan melalui susu ibu. Doktor akan memberitahu anda sama ada perlu mengambilnya dan menghentikan sementara penyusuan badan semasa anda mengambil ubat ini.

Produk ini mengandungi laktosa.

Jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda mengalami ketidak-toleransi kepada beberapa jenis gula, sila beritahu doktor anda sebelum mengambil Azytro Tablet.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain seperti *antacids*, *cyclosporin*, *digoxin*, *ergot derivatives*, *terfenadine*, *Theophylline* dan *coumarine-type oral anticoagulants* juga termasuk sebarang ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Azytro

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

- Terapi 3 hari: 500mg sehari.
- Terapi 5 hari: 500mg pada hari pertama, 250mg pada hari kedua hingga kelima.
- Untuk *jangkitan pada kemaluan*: dos tunggal 1000mg sehari.
- Untuk *pesakit jangkitan HIV*: 1200mg sekali seminggu.
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati, doktor mungkin akan memberikan dos yang lebih rendah.
- Azytro Tablet hanya boleh diambil oleh kanak-kanak dengan berat badan melebihi 45kg.

Bila perlu digunakan

Sebaik-baiknya diambil selepas makan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli

farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jangan berhenti mengambil ubat, walaupun anda berasa sihat selepas beberapa hari, kecuali diarahkan oleh doktor. Jangkitan mungkin belum pulih sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat anda terlalu awal.

Jika terlupa menggunakannya

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda akan mengalami kesan sampingan seperti yang dinyatakan pada ruangan 'Kesan-kesan Sampingan'.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terambil secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Azytro

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat. Telan tablet bersama air dan perlu diambil pada waktu yang sama setiap hari.
- Jika anda mengambil Azytro Tablet untuk merawat jangkitan dan simptom anda tidak bertambah baik dalam tempoh beberapa hari, atau menjadi lebih teruk, sila beritahu doktor anda.
- Beritahu doktor jika anda mengandung semasa mengambil Azytro Tablet.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda segera jika anda mengalami cirit-birit.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kunyah tablet. Telan tablet dengan air.

Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

berhati-hati memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Azytro Tablet memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

- Cirit-birit, loya, masalah penghadaman, sakit perut, pedih hulu hati, kembung perut, sembelit
- Perubahan warna pada lidah
- Hilang selera makan
- Hilang pendengaran
- Masalah sistem darah
- Sakit kepala, pening, sukar untuk tidur.

- Gatal kulit, bengkak, sakit kulit seperti *erythema multiforme*, *Steven Johnson syndrome*, *toxic epidermal necrolysis*.
- Sakit sendi
- Jaundice, hepatitis (penyakit bengkak hati)
- Perubahan tingkah laku.
- Denyutan jantung yang tidak normal.
- Keletihan dan rasa lemah.

Jika anda mendapati bahawa kanak-kanak muntah dan/atau menghadapi kesengsaraan apabila diberi makanan, hubungi doktor dengan segera kerana ini mungkin disebabkan oleh *Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS)*.

Azytro Tablet boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan Azytro Tablet dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami simptom yang berikut: Kulit kemerahan, lecur, ruam, demam, sakit tekak dan iritasi pada mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npa.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Azytro

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet putih, bujur, bersalut lapis, berukir “^v” pada satu belah dan tanpa ukiran pada sebelah yang lain.

Didapati dalam blister strip 6's, di dalam kotak bungkusan 30 tablet.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Azithromycin Dihydrate

Bahan tidak aktif

Lactose, Isopropyl Alcohol, Sodium Lauryl Sulphate, Povidone, Purified Water, Microcrystalline Cellulose, Opadry II 31K58901, Colloidal Silicon Dioxide, Sodium Starch Glycolate, Maize Starch, Magnesium Stearate.

-Nombor Pendaftaran

MAL17065021ACZ

Pengilang

Kepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Apex Pharmacy Marketing Sdn Bhd
2, Jalan SS13/5,
47500 Subang Jaya, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

07/01/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/2)200107/322